

Hari pelanggan Kementerian Kewangan Isnin

UM 24 JAN 2007

KUALA LUMPUR 23 Jan. — Kementerian Kewangan akan mengadakan Program sehari bersama pelanggan pada 28 Januari di Jalan Duta dari pukul 9 pagi hingga 4.30 petang.

Menurut kenyataan Kementerian Kewangan hari ini, program di pekarangan Blok 9 Perbendaharaan itu, akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan.

Kaunter-kaunter khas mengikut bahagian, jabatan dan agensi di bawah kementerian itu bersedia untuk membantu dan melayani orang awam dan pihak swasta sama ada dalam bentuk aduan, penerangan atau maklum balas.

Antara bahagian dan jabatan yang mengambil bahagian ialah Bahagian Pinjaman Perumahan,

Bahagian Perolehan Kerajaan, Akauntan Negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Bank Negara, Bank Simpanan Nasional (BSN), Danamodal dan Suruhanjaya Sekuriti.

Pameran

Selain kaunter-kaunter aduan dan penerangan, satu pameran tentang bidang tugas Kementerian Kewangan mengikut bahagian, jabatan dan agensi turut diadakan.

Orang ramai juga boleh mendapatkan buku panduan perkhidmatan yang disediakan oleh setiap bahagian, jabatan dan agensi bagi memudahkan mereka berurusan pada masa akan datang. — Bernama